

## **PENDERITAAN MANGSA PEMERDAGANGAN ORANG DI MALAYSIA**

*(The Agonize of Human Trafficking Victim in Malaysia)*

Nurul Nabila Mohd. Izani, Norsharilla Hamdan, Arena Che Kasim & Jamiah Manap\*

### **ABSTRAK**

Jenayah pemerdagangan orang melanggar hak asasi dan mencabul kehormatan manusia. Ia adalah perhambaan zaman moden yang mencalarakan imej, etika, kredibiliti serta hubungan antarabangsa. Penderitaan yang dilalui oleh mangsa pemerdagangan orang sewajarnya dipaparkan untuk membangkitkan kesedaran masyarakat terhadap isu ini. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka penderitaan yang dilalui oleh mangsa pemerdagangan orang di Malaysia. Pendekatan kualitatif kajian kes berganda digunakan untuk memahami situasi ini. Sejumlah 18 orang mangsa pemerdagangan orang di sebuah pusat perlindungan yang dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan dan persampelan bebola salji telah ditemu ramah secara berkumpulan (kumpulan berfokus). Data dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik. Kajian mendapati, mangsa pemerdagangan mengalami penderitaan fizikal, mental dan spiritual terutamanya dalam tempoh pemerdagangan. Sehubungan itu, pelan tindakan khas perlu dilaksanakan untuk mencegah, meningkatkan kesedaran masyarakat dan membanteras jenayah pemerdagangan manusia. Kajian ini memberi implikasi kepada pertubuhan dan agensi kebajikan, penguatkuasaan, jenayah, pemulihan dan kerohanian untuk bersinergi bagi membantu mangsa pemerdagangan orang.

**Kata kunci:** pemerdagangan orang, psikologi pendidikan, pembangunan belia, kesejahteraan, keluarga

### **ABSTRACT**

Human trafficking violates human rights and dignity. The suffering experienced by victims of human trafficking should be demonstrated to raise awareness on this issue. Accordingly, this study aims to explore the suffering experienced by victims of human trafficking in Malaysia. A qualitative approach of multiple case studies was used to understand this situation. A total of 18 victims of human trafficking at a shelter were interviewed in groups (focus group discussion). Data were analysed using a thematic analysis approach. The study found that victims of trafficking experienced physical, mental and spiritual suffering, especially during the period of trafficking. Accordingly, special action plans need to be implemented to raise public awareness and eradicate the crime of human trafficking. This study has implications for welfare, enforcement, criminal, rehabilitation, and spiritual organizations and agencies synergy to help victims of human trafficking.

**Keywords:** human trafficking, educational psychology, youth development, human, well-being

## **PENGENALAN**

Pemerdagangan manusia merupakan satu isu yang besar dalam negara. Malaysia sehingga kini berada dalam kedudukan senarai pemerhatian tingkat kedua (*tier 2 watch list*) dalam *United State Department of State's Trafficking in Person Report* (2020). Malaysia merupakan salah satu negara transit bagi kegiatan jenayah pemerdagangan manusia. Malaysia menerima masuk mangsa-mangsa pemerdagangan daripada pelbagai negara seperti Thailand, Indonesia, Myanmar, Kemboja, Vietnam, Filipina, Pakistan dan China melalui agensi sindiket (Reseman et al., 2015). Aktiviti pemerdagangan manusia menjadi laluan kepada pelbagai permasalahan seperti pelacuran, buruh paksa, jenayah, jenayah berat dan pelanggaran hak asasi manusia (Gusni, 2012). Daripada tahun 2008 hingga tahun 2017, sejumlah 1200 kes pemerdagangan orang telah dikendalikan oleh lima agensi penguatkuasaan di Malaysia iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) (Kementerian Dalam Negeri, 2021). Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka penderitaan yang dialami oleh mangsa pemerdagangan manusia di Malaysia.

## **KAJIAN KEPUSTAKAAN**

Pemerdagangan manusia merupakan perhambaan zaman moden (Cullen-DuPont, 2009; Hart, 2009). Mangsa pemerdagangan orang hidup seperti hamba abdi yang dikerah untuk melakukan pekerjaan tanpa mengira masa dan tanpa mendapat balasan yang setimpal (Cullen-DuPont, 2009). Ia melibatkan eksploitasi manusia sama ada mangsa berada di negara yang sama atau dibawa ke luar negara (McCabe, 2008). Mangsa pemerdagangan manusia kebanyakannya berasal dari kawasan negara miskin. Kegiatan pemerdagangan manusia boleh mendatangkan kesan yang buruk kepada negara dan memberi keuntungan yang besar kepada kumpulan sindiket di Asia seperti Asia Tenggara, Jepun, China dan India (Shelley, 2010). Pemerdagangan manusia berlaku akibat sifat tamak manusia untuk mengaut keuntungan dengan cara mudah (Marshall & Thatun, 2005), kemiskinan yang mendorong manusia bermigrasi (Jones et al., 2009), ketidakstabilan ekonomi (Banovic, 2012), pergolakan dalam negara (Clark, 2003), pengetahuan dan kemahiran yang terbatas (Jones et al., 2009), usia bawah umur yang sukar dikesan sewaktu dalam perjalanan (Derluyn, 2009), pengangguran (Banovic, 2015), ketaksamaan gender, jenayah terancang, rasuah dan keganasan keluarga (Banovic & Bjelajac, 2012).

Mangsa pemerdagangan orang sering didera secara fizikal mahupun mental. Menurut Banovic dan Zeljko Bjelajac (2012), mangsa sering dipukul, diperkosa, dihadkan pergerakannya, tidak diberi makanan dan minuman, diseksa dan diberi dadah bagi membuatkan mereka mengikut perintah majikannya sepanjang tempoh diperdagangkan. Mereka juga lazimnya menghadapi pelbagai penderaan fizikal, psikologikal, seksual dan keganasan fizikal sewaktu diperdagangkan (Winterdyk et al., 2011). Pencabulan hak asasi manusia berlaku dengan sewenang-wenangnya. Mangsa ditekan dengan keganasan agar akur dengan perintah agen dan majikan (Chu, 2011). Mangsa yang datang secara sah pula sering ditipu dan pasport mereka disembunyikan atau terus dimusnahkan. Hal ini menyukarkan proses penghantaran pulang mangsa ke negara mereka kerana kekurangan dokumen (DeStefano, 2007). Mereka juga biasanya lebih mudah dieksploitasi dalam jangka waktu yang lama kerana tidak memahami bahasa di negara yang menjadi lokasi pemerdagangan tersebut seperti yang berlaku di India

(Nair & Sen, 2005). Sehubungan itu, mangsa juga lazimnya mengalami trauma akibat penderaan fizikal dan mental yang berterusan (Aronowitz, 2009).

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian dibuat menggunakan pendekatan kajian kes berganda di sebuah pusat perlindungan mangsa pemerdagangan orang di Malaysia. Pengumpulan data melibatkan temuramah berfokus dan pemerhatian terhadap 18 orang wanita yang menjadi mangsa pemerdagangan orang (Jadual 1). Pendekatan analisis tematik digunakan untuk meneroka penderitaan yang dialami oleh peserta kajian. Pada peringkat pengkodan terbuka, sejumlah 31 kod eksklusif diperoleh. Dalam proses pengkodan berpaksi (*axial coding*), kesemua kod tersebut dibahagikan kepada 9 kategori penderitaan. Kesemua kategori tersebut kemudiannya dikelompokkan di bawah tiga dimensi utama iaitu penderitaan fizikal, penderitaan emosi dan penderitaan spiritual. Akhirnya dalam proses pengkodan terpilih (*selective coding*), kesemua dimensi dan kategori digabung-jalin dengan dapatan terdahulu untuk membentuk model ringkas.

Jadual 1: Profil Mangsa Pemerdagangan Orang

<b>Responden</b>	<b>Umur</b>	<b>Taraf Pendidikan</b>	<b>Pekerjaan</b>	<b>Tempoh Pengalaman</b>
Alia	20	Menengah	Pembantu Rumah	7 Bulan
Ana	19	Tadika	Pekerja Urutan	1 Bulan
Mary	21	Rendah	Pekerja Urutan	3 Minggu
Lina	22	Rendah	Pekerja Urutan	1 Bulan
Emy	21	Rendah	Pembantu Rumah	3 Tahun
Fika	35	Rendah	Pembantu Restoran	2 Tahun
Miza	55	Rendah	Pembantu Rumah	15 Bulan
Fira	26	Menengah	Pembantu Rumah	7 Bulan
Izah	30	Rendah	Pembantu Rumah	22 Bulan
Jenny	24	Tidak Bersekolah	Pencuci	10 Tahun
Fidah	26	Menengah	Gadis Pelayan Pelanggan	2 Minggu
Laura	21	Menengah	Gadis Pelayan Pelanggan	2 Minggu
Fifi	24	Rendah	Gadis Pelayan Pelanggan	2 Minggu
Suri	21	Rendah	Gadis Pelayan Pelanggan	2 Minggu
Julia	24	Rendah	Gadis Pelayan Pelanggan	2 Minggu

*Special Issue: Vol. 18. No.6 (2021). 195-209. ISSN: 1823-884x*  
*Theme: Psychological Well-being and Social Development of Society*

Hani	35	Menengah	Pembantu Rumah	10 Tahun
Mimi	30	Menengah	Gadis Pelayan Pelanggan	3 Minggu
Nita	20	Menengah	Gadis Pelayan Pelanggan	3 Minggu

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian mendapati, mangsa pemerdagangan orang mengalami penderitaan fizikal, psiko-emosi dan spiritual sebagaimana yang tertera dalam Jadual 2. Penderitaan tersebut bukan sahaja dilalui dalam tempoh mereka menjadi mangsa pemerdagangan orang, malahan juga selepas mereka dibebaskan daripada menjadi mangsa pemerdagangan orang.

Jadual 2: Penderitaan Mangsa Sepanjang Tempoh Diperdagangkan

I	II	III	IV
Dipukul	Dicederakan		
Dihiris kuku			
Dicakar dengan garfu			
Dicucuh pemetik api			
Ditendang dan terajang			
Luka dipukul			
Kesan dihiris			
Parut-parut di badan			
Parut dicucuh api			
Pendarahan			
Sakit pinggang		Fizikal	
Diperkosa bapa majikan	Diperkosa		
Dipaksa melacur			
Tidak tahu jalan rumah majikan	Dikurung		
Tidak boleh keluar rumah			
Ada bodyguard			
Terkurung siang dan malam di tempat yang sama			
Tidak mendapat gaji selepas setahun bekerja	Ditipu		Penderitaan Mangsa Pemerdagangan Orang
Permit yang dikeluarkan agen palsu			
Majikan tidak perbaharui			
Bertukar-tukar agen			
Agan menyembunyikan wang			
Tidak tidur malam	Rehat Tidak Cukup		
Tidur sekejap		Emosi	
Tidak boleh cuti			
Tidak boleh minta gaji	Diugut		
Diugut pelanggan			

---

Keluarga sedih	Rindu Keluarga	
Rindu pada anak	(homesick)	
Rindu cucu dan suami		
Ingin jumpa ibu dan bapa		
Ibu dan bapa ajak pulang		
Adik suruh pulang		
Anak menangis suruh pulang		
Majikan tidak boleh	Halangan Komunikasi	
berbahasa Melayu		
Tidak faham bahasa Tamil		
	Tiada Kebebasan	Spiritual
Dipaksa makan makanan	Beragama	
yang haram		

---

### Penderitaan Fizikal

Penderitaan fizikal yang dialami oleh mangsa pemerdagangan orang sangat mengerikan. Dalam kes ini, mereka dcederakan, dikurung dan diperkosa. Mangsa pemerdagangan manusia dcederakan dengan pelbagai cara. Tubuh mereka dipukul, ditendang, diterajang, dicakar dengan garfu, dicucuh dengan pemetik api dan dihiris tanpa peri kemanusiaan. Daripada pernyataan kes keenam-enam responden ini, mereka telah dcederakan sewaktu menjadi mangsa pemerdagangan manusia. Ada antara mereka dcederakan oleh majikan, agen dan pelanggan apabila tidak melakukan pekerjaan yang dikehendaki. Berdasarkan nota pemerhatian, terdapat beberapa orang responden yang menunjukkan kesan kecederaan mereka antaranya seperti di kuku, kepala, bahu dan kaki.

*"...Kadang kalau tak turut kemahuan itu bapa majikan, saya dikasarin, dipukul..."*  
(Alia)

*"...Kalau majikan tak puas hati, dia pukul aku di belakang badan, ambil pisau hiris di kuku aku, ni ada kesannya..."* (Emy)

*"...Yaa, makcik kerja sering dipukul. Cakap sahaja memukul. Saya pernah dipukul dengan botol air di kepala, di pukul dengan kayu di belakang ni...Ada juga dcederakan dengan garpu di bahagian dada ni, ni kesannya..."* (Miza)

*"...Agen pukul saya guna kayu, pukul di badan, di kepala..."* (Izah)

Penderaan fizikal yang dialami oleh mangsa pemerdagangan masih meninggalkan kesan kepada mangsa semasa kajian ini dibuat. Ada kesan yang tidak menyakitkan namun menjejaskan penampilan diri mereka seperti kesan parut di seluruh badan. Berdasarkan nota pemerhatian, beberapa orang responden ada menunjukkan parut pada anggota badan kesan daripada kecederaan mereka antaranya di kepala, kuku, bahu dan kaki.

*"...Luka-luka kena pukul tu ada kesannya tapi sudah pulih..."* (Alia)

*"...Pisau hiris di kuku aku, ni ada kesannya..."* (Emy)

*"...Ada parut-parut kena pukul dulu..."* (Miza)

*"...Kesan dipukul sudah pulih cuma tinggal parutnya..."(Izah)*

*"...Ni akak tengoklah, kat kaki saya masih ada bekas parut dicucuh dengan pemetik api tu..."(Nita)*

Namun, terdapat juga penderitaan fizikal yang membawa kepada masalah kesihatan yang berpanjangan sebagaimana pernyataan Suri dan Nita. Hal ini masih belum mengambil kira jangkitan penyakit serta risiko kesihatan yang dialami oleh mangsa yang dipaksa melacurkan diri atau diperkosa.

*"...Saya juga ada mendapat kesan pada kesihatan, ada pendarahan berlaku, tapi kian beransur pulih..."(Suri)*

*"...Pinggang sampai sekarang ada rasa sakit-sakit kena terajang dan sepak tu..."(Nita)*

Setiap manusia ada hak untuk mendapat kebebasan. Tanpa mengira jantina, umur atau status sosial, semuanya berhak mendapatkan hak kebebasannya. Hakikatnya, manusia tidak boleh disekat kebebasannya tanpa sebab dan tidak boleh diperhambakan. Sebagai lanjutan daripada hujah kebebasan, manusia juga berhak mendapat waktu untuk berehat iaitu berdasarkan kadar jam dan hari cuti pada waktu yang tetap dan mendapat gaji secara tetap.

*"...Kerja pagi sampai malam enggak ada rehat, kadang tidur malam pun tak dapat..."(Alia)*

*"...Dia ada kedai runcit, di situ aku kena jaga kedai, angkat-angkat barang, juga di samping jaga empat budak, anak dia...bila pulang rumah, sambung kerja di rumah pula seperti memasak, mengemas, basuh kain baju. Aku memang langsung tak dapat cuti, memang majikan tak bagi rehat, kerja terus, malam saja boleh tidur tapi sekejap saja..."(Emy)*

*"...Kerja dari 5 pagi hingga 3 pagi esoknya, tidur bentar aja, terus bangun buat kerja lagi. Memang tidak bisa cuti..."(Miza)*

*"...Selalu bangun jam 5 pagi, tidur termasuk istirehat jam 1 pagi..memang sangat jahat itu majikan. Bila saya minta cuti, enggak bisa katanya, agen tak beri bagi cuti..."(Izah)*

*"...Memang enggak dapat istirehat sangat. Kerja dari 4 petang hingga 6 pagi..."(Fifi)*

*"...Saya tak tahan dipaksa kerja terus tanpa henti, susah mau rehat. Kerja sepanjang hari, kira-kira jam 12 malam, tidur 5 pagi bangun sambung kerja..."(Hani)*

Berdasarkan kes keenam-enam responden ini iaitu Alia, Emy, Miza, Izah, Fifi, dan Hani, hak untuk dapat berehat seperti yang dinyatakan sebelumnya telah dilanggar oleh pihak-pihak tertentu. Mereka tidak mendapat hak mereka untuk berehat dengan cukup mahupun bercuti untuk pulang ke kampung bertemu keluarga atau sebagainya. Hal ini juga melanggar hak asasi manusia. Seksyen 60A (1) Akta Kerja 1955 memperuntukkan, pekerja tidak boleh diarahkan bekerja 5 jam berturut-turut tanpa rehat selama sekurang-kurangnya 30 minit, bekerja melebihi 8 jam sehari, bekerja lebih tempoh masa 10 jam sehari (*spread over period*)

atau bekerja lebih daripada 48 jam seminggu. Seriusnya kes ini sehinggakan ada responden yang memang tidak tahan lagi diperlakukan sedemikian.

*“...Mulanya ada gaji, selama setahun tiap-tiap bulan diberi lima ratus ringgit, selepas itu tiada gaji lagi. Jadi gimana saya mau antar uangnya ke kampung kan...”(Miza)*

Dalam kes Miza, beliau juga tidak diberi gaji lagi selepas setahun bekerja. Hal ini menyukarkannya untuk mengirim duit buat keluarganya di kampung. Beliau hanya bekerja tanpa mendapat gaji, dengan kata lain Miza dieksploitasi untuk tujuan keuntungan kepada majikannya, dikerah tenaga tanpa diberi bayaran. Terdapat pelbagai masalah mengenai pasport dan permit yang terpaksa dihadapi responden sepanjang tempoh menjadi mangsa pemerdagangan manusia seperti penipuan permit dan masalah pasport.

*“...Masalah pada agen. Agen mempergunakan saya sama pekerja-pekerja lain, tiada permit, permit yang ada selama ini palsu, hanya ambil kerja terus...”(Fira)*

Berdasarkan kes Fira, beliau dan beberapa orang temannya yang mengikut agen yang sama telah bekerja dengan permit yang palsu dikeluarkan oleh agennya. Tujuan agen melakukan hal tersebut adalah bagi mendapatkan keuntungan daripada mengeksploitasi tenaga buruh.

*“...Masa kerja pasport mati, tidak ada wang untuk dihidupkan, jadi kerja saja dulu...”(Fika)*

*“...Udah 10 tahun kerja sama majikan itu, cuma permit enggak aktif lagi, sudah lama, majikan enggak hidupkan...”(Jenny)*

*“...Tiba-tiba saya ditukar ke agen lain, empat agen bertukar-tukar, mereka tukar sendiri, pasport habis tarikh pun saya enggak tau kerna sudah keliru...”(Hani)*

Ada di antara mereka yang tiada wang untuk mengaktifkan semula pasport yang telah tamat tempoh. Majikan tidak pernah mengaktifkan permit semenjak tamat tempoh dan mereka juga berasa keliru kerana sering bertukar agen sehinggakan tidak menyedari pasport mereka telah tamat tempoh.

*“...Pasport agen yang bawa. Saya hanya nelefon pakcik saya ada di sini untuk kasi tau sama polis yang pasport saya sudah habis tempoh...” (Hani)*

Selain itu, dalam kes Hani, pasport beliau disimpan oleh agen setiap kali berlaku penukaran agen. Pasport beliau akan diserahkan oleh agen sebelumnya kepada agen baru. Situasi ini menyebabkan Hani mengalami kesukaran dan lebih mudah dieksploitasi kerana tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri.

*“...Saya enggak pernah cuba menyelamatkan diri, kerna mau kabur dari rumah majikan pun enggak tau selok belok tempat di Malaysia, bahkan luar rumah majikan pun saya enggak tau jalannya, enggak pernah dapat keluar...”(Miza)*

*“...Kerja terus, keluar dari rumah pun enggak bisa...” (Izah)*

*Special Issue: Vol. 18. No.6 (2021). 195-209. ISSN: 1823-884x*  
*Theme: Psychological Well-being and Social Development of Society*

*"...Tak bisa keluar-keluar, ada bodyguard jaga tempat itu kerna aku kerja ada tuannya. Bukan freelance. Kalau mau keluar beli barang pun, ada yang awasi ke mana saja, orang-orang tuan itu juga..." (Fifi)*

*"...Sehari-hari keluar aja dari rumah terus ke hotel untuk bekerja..."(Julia)*

*"...Di rumah majikan india, enggak bisa keluar, buka pintu pun enggak bisa..."(Hani)*

*"...Tak boleh keluar dari tempat tu, memang tak dapat tengok dunia luar, terkurung siang dan malam dalam tempat tu..."(Nita)*

Berdasarkan kes Miza, Izah, Fifi, Julia, Hani dan Nita, keenam-enam mereka tidak mendapat kebebasan untuk keluar. Tambahan pula, mereka hanya dikurung di tempat untuk bekerja. Situasi ini melanggar hak kebebasan individu. Menurut nota pemerhatian, responden kelihatan tertekan ketika menceritakan pengalaman tersebut.

*"...Saya juga pernah diancam agar tidak menanyakan soal gaji lagi, buat kerja terus..."(Miza)*

*"...Pernah juga diancam sama pelanggan..."(Fidah)*

Terdapat responden yang diugut apabila tidak melakukan apa yang dikehendaki oleh majikannya. Hal ini berlaku pada Miza dan Fidah, menyebabkan mereka akur dan pasrah kerana berdasarkan nota pemerhatian terdapat beberapa orang responden mempunyai keyakinan diri yang amat rendah dan mengalami kemurungan. Mereka hanya menundukkan kepala dan tidak melakukan interaksi mata (*eye contact*) sewaktu menjawab soalan temubual. Situasi ini juga menunjukkan yang mereka masih lagi mengalami trauma psikologi (Genisha Ayu & Nadiah Syariani, 2015).

Seorang responden iaitu Hani mengalami masalah bahasa yang mana aspek itu menjadi cabaran buatnya dalam berdepan dengan majikannya.

*"...Selalu marah-marah lebih-lebih lagi mak majikan kerna dia enggak bisa berbahasa Malaysia..."(Hani)*

*"...Kadang pukul saya, tampar saya jika saya tak buat apa yang dia suruh kerna saya enggak faham bahasa india..."(Hani)*

Berdasarkan kes Hani, beliau dan majikannya tidak dapat berkomunikasi dengan baik atas kekangan bahasa yang mana majikannya tidak pandai bertutur Bahasa Melayu dan beliau tidak faham dengan Bahasa Tamil. Justeru, wujud halangan untuk mereka berinteraksi dengan baik. Perkara ini menyebabkan beliau didera apabila tidak menerima arahan majikan dengan tepat. Kes ini tidak serupa dengan penulisan P.M. Nair dan Sankar Sen (2005), yang mana dalam penulisan mereka, bahasa menjadi faktor yang membawa kepada tempoh masa pemerdagangan manusia yang lebih panjang ke atas seseorang mangsa di India manakala dalam kajian ini, pengkaji meneliti dan mengenal pasti bahawa bahasa merupakan cabaran atau masalah yang harus dihadapi oleh sesetengah mangsa.

Mangsa pemerdagangan orang yang dipaksa menjadi pelacur sering diugut, dipukul dan ditendang sekiranya enggan menurut kemahuan agen, majikan atau pelanggan mereka.



*“...Enggak enak, ada juga yang mau pukul, pernah juga diancam sama pelanggan...”*  
(Fidah)

*“Masa dilacurkan, jika saya taknak kerja, kena pukul teruk dengan wayar TV, kabel tu kak...Di kaki kena cucuh dengan pemetik api, sampai sekarang ada kesan...”*(Nita)

*“...Kena tendang sampai jatuh tertiarap kat tangga dengan suami kawan yang ‘bapak ayam’ tu bila saya kata taknak kerja...”*(Nita)

*“...Dia tipu, kata nak kerja McD, tapi terpaksa kerja sebab suami dia ugut saya dan pukul teruk kalau saya menolak kerja sebagai pelacur. Saya dirogol, saya tak rela...”*(Nita)

Pemeriksaan juga dilakukan sebagai satu cara untuk menghukum mangsa pemerdagangan manusia.

*“...Juga kena rogol dengan bapa majikan, bila kerja banyak complain...”* (Alia)

### **Penderitaan Emosi**

Mangsa pemerdagangan manusia mengalami penderitaan emosi. Majoriti responden mengalami kesan emosi dan psikologi seperti terlalu rindu, marah, benci, tertekan trauma dan menyesal.

*“...Rindu dah dengan keluarga...”* (Ana)

*“...Rindu sama keluarga. Keluarga sedih bila dengar saya ada di sini...”* (Mary)

*“...Rindu sama adik...”* (Emy)

*“...Rasa rindu pada anak lebih-lebih lagi sudah lama di Malaysia...”* (Fika)

*“...Mau pulang, rindu mau jumpa cucu sama suami, sudah lama ninggalin mereka...”*  
(Miza)

Majoriti responden dalam kajian ini mengalami perasaan rindu kepada keluarga mereka seperti merindui ibu bapa, anak, adik dan ahli keluarga lain. Hal ini disebabkan mereka telah menjadi mangsa pemerdagangan manusia untuk suatu tempoh yang agak lama. Menurut nota pemerhatian, pengkaji mendapati situasi pada waktu ini, kebanyakan responden menangis dan ada yang memohon agar tempoh pulangnya dipercepatkan.

*“...Orang tua juga suruh saya pulang kerna kata mereka mereka sedih saya diperlakukan begini...”* (Alia)

*“...Keluarga sedih bila dengar saya ada di sini, suruh cepat pulang...”* (Mary)

*“...Keluarga suruh cepat pulang ketemu sama mereka..Walaupun enggak ada uang buat mereka tapi saya enggak fikir apa lagi, mau pulang...”*(Miza)

*"...Keluarga selalu tanya kapan mau pulang dan kerja apa sehingga bisa tertangkap..."(Fidah)*

Berdasarkan pernyataan Alia, Mary, Miza dan Fidah, mereka menyatakan bahawa keluarga mereka mendesak pulang ke kampung. Walaupun tiada wang untuk dibawa kepada keluarga, mereka tetap ingin pulang ke negara mereka kerana perasaan rindu dan desakan keluarga menyuruh mereka pulang segera. Ada antara mereka yang keluarga tidak tahu apa pekerjaannya dan merasa pelik responden ditangkap dan diletakkan di rumah perlindungan. Terdapat juga responden yang tidak mendapat gesaan pulang daripada keluarga. Pengkaji mendapati sebabnya dikenal pasti dalam pernyataan-pernyataan responden seterusnya.

*"...Ibu bapa pun tak tau saya sekarang sudah masuk ke rumah perlindungan ni..."*  
*(Ana)*

*"...Orang tua aku enggak tau aku kerjanya apa, rasa bersalah selalu datang kerna berbohong kan kak..." (Laura)*

*"...Orang tua enggak tau hal ini berlaku, takut nanti mereka malah jadi sakit..." (Fifi)*

*"...Terimalah takdirnya macam ni. Keluarga tak tau saya ada di Malaysia..." (Mimi)*

Ana, Laura, Fifi dan Mimi masing-masing mengalami suatu keadaan di mana keluarga mereka tidak mengetahui bahawa mereka terlibat sebagai mangsa pemerdagangan manusia. Berdasarkan nota pemerhatian, keempat-empat responden ini merasa sangat bersalah kerana terpaksa berbohong kepada ibu bapa. Mereka tidak mampu berterus-terang atas sebab-sebab kritikal tertentu seperti khuatir akan keadaan ibu bapa yang sakit dan takut mengecewakan keluarga.

### **Sedih**

*"...Saya sangat sedih dengan apa yang saya lalui ini..." (Alia)*

*"...Sedih tak dapat jumpa dengan family..." (Ana)*

*"...Aku sedih sebab teringat adik di kampung..." (Emy)*

*"...Saya sedih bila anak telefon, dia nangis suruh pulang, saya jadi hiba..." (Izah)*

*"...Rasa sangat geram dan sedih kenapalah aku yang selalu jadi mangsa dalam apa keadaan sekalipun, daripada zaman sekolah lagi..." (Nita)*

Kesemua responden di atas iaitu Alia, Ana, Emy, Izah dan Nita masing-masing menyatakan bahawa mereka kerap mengalami kesedihan. Rasa sedih merupakan salah satu elemen psikologi. Mangsa sedih dengan apa yang telah berlaku, tidak dapat bertemu keluarga setelah sekian lama, dan rasa sedih kerana seringkali menjadi mangsa keadaan. Berdasarkan nota pemerhatian, responden secara tidak langsung telah menangi apa yang disampaikan sewaktu temubual berlangsung.

*“...Kadangkala rasa sangat marah pada kawan tu, dia dah rampas maruah saya rosakkan hidup saya gelapkan masa depan saya...” (Nita)*

Dalam kes Nita, beliau juga mengalami perasaan marah dan benci. Perasaan tersebut dirasakan terhadap kawannya yang menyebabkannya terlibat sebagai mangsa pemerdagangan manusia. Beliau tidak menyangka perkara sebegitu akan berlaku dalam hidupnya. Dalam penulisan Alexis A. Aronowitz (2009), mangsa merasa marah disebabkan trauma yang dikenakan ke atas mereka.

*“...Kadang rasa tertekan bila mikirin wang tiada untuk dikirim ke kampung...” (Mary)*

*“...Saya mau pulang, anak tunggu kepulangan tapi anak tunggu bawa uwang, tapi saya tiada uwang, tiada pendapatan di sini, jadi asyik mikirin terus hal itu. Terfikir terus anak, mak dan gimana kehidupan anak-anak saya selepas ini...” (Fika)*

*“...Jadi hati runsing, tertanya-tanya sama ada ayah masih hidup ka tidak...”(Jenny)*

*“...Sudah mau gila, keluarga selalu tanya kapan mau pulang dan kerja apa sehingga bisa tertangkap. Aku bohong sama keluarga kata kerja kedai. Rasa sangat tertekan bila mikirin masalah...”(Fidah)*

*“...Bisa gila..Anak pun terpaksa pindah sekolah ke kampung, kerna biaya sekolah di Jakarta mahal, belanja lagi. Rumah pun sudah tergadai, sekarang keluarga duduk merata-rata asal boleh teduh...”(Mimi)*

*“...Kadang saya stress bila fikir keadaan diri saya sekarang. Mak dan tunang antara yang terkesan dengan apa yang terjadi pada saya. Mereka sedih. Pendidikan pun terjejas disebabkan hal ini. Terpaksa di tangguh sementara...” (Nita)*

Tekanan perasaan berlaku dalam kalangan beberapa orang responden. Ianya disebabkan pemerdagangan manusia yang berlaku menyebabkan banyak perubahan berlaku dalam kehidupan mereka, iaitu kehidupan yang lebih teruk dari sebelumnya. Antara permasalahan yang menjadikan stress atau tekanan perasaan pada Mary, Fika, Jenny, Fidah, Mimi dan Nita adalah keadaan diri mereka setelah menjadi mangsa pemerdagangan manusia, kehidupan anak dan keluarga di kampung sekarang dan pada masa akan datang, dan yang paling kerap difikirkan oleh para responden juga ialah masalah kewangan untuk menanggung keluarga di kampung.

*“...Tanya tetangga, mereka kata enggak ketemu anak saya. Saya risau jika kawan saya menjual anak saya kepada orang jahat. Masa pertama kali dapat buat panggilan di sini dapat cakap sama anak, sekarang bila call sudah tak dapat cakap dengan dia lagi. Takut bila pulang nanti sudah enggak ketemu lagi sama dia...” (Julia)*

Dalam kes Julia, beliau bukan sahaja mendapat kesan terhadap dirinya malah anaknya. Beliau pernah diugut bahawa anaknya akan dibawa ke tempat lain oleh kawannya, kini beliau tidak lagi dapat menghubungi anaknya lalu beliau sangat risau akan keadaan dan keselamatan yang berlaku kepada anaknya. Berdasarkan nota pemerhatian, responden sangat risau dan sedih, malah beliau merayu untuk segera dapat pulang kerana ingin mencari anaknya. Kes sebegini juga pernah dinyatakan oleh Joyce (2009), bahawa kadangkala dalam sesetengah kes mangsa diugut. Jika sekiranya mereka tidak menurut atau tidak mengikut arahan yang diberikan selama diperdagangkan, maka ahli keluarga mereka akan dicerderakan atau dilakukan apa sahaja.

Rentetan daripada pengalaman yang telah dilalui kesemua responden Emy, Miza dan Hani ada menyatakan bahawa mereka trauma terhadap kejadian yang melanda hidup mereka seperti dipukul atau didera dan takut apabila ternampak pihak polis. Trauma yang dilalui oleh setiap responden adalah berbeza-beza dari segi tahap dan penyebabnya. Melalui nota pemerhatian pengkaji, beberapa orang responden sering menceritakan sesuatu kejadian pahit sewaktu mereka diperdagangkan secara berulang sewaktu temubual berlangsung yang mana menunjukkan bahawa perkara itu menjadi trauma kepada mereka sehingga diingat dan sentiasa bermain dalam fikiran mereka. Selain itu, terdapat juga sesetengah responden yang trauma tidak tergambar melalui kata-katanya, akan tetapi, mereka ada menunjukkan reaksi wajah yang menyampaikan bahawa perkara itu tidak luput dari ingatan mereka.

*"...Malah jadi takut untuk percaya sama orang lain, kkuatir hal ini terjadi lagi sama saya..." (Alia)*

*"...Rasa takut mau kerja di Malaysia lagi, nanti dipukul diseksa lagi..."(Emy)*

*"...Rasa takut mau bertindak apa-apa walaupun soal kehidupan sendiri kerna macam saya beri anak pada cina tadi atas kerelaan saya tapi masih ditangkap..."(Fika)*

*"...Walaupun enggak ada uwang buat mereka tapi saya enggak fikir apa lagi, mau pulang, sudah takut di sini, takut mau kerja sama orang lain..."(Miza)*

*"...Bukan apa, aku takut mau kasi tau orang tua kerna dia menjalani terapi untuk lemah jantung..." (Laura)*

*"...Lepas ni memang takut nak percaya kawan..."(Nita)*

Antara kesan psikologi lain yang terkesan kepada mangsa adalah sentiasa dalam ketakutan misalnya seperti yang dinyatakan oleh Alia, Emy, Fika, Miza, Laura dan Nita. Perkara yang menjadi ketakutan kepada mereka termasuklah kepercayaan terhadap kawan walaupun kawan rapat, keadaan kesihatan orang tua, penderaan yang dialami, diperdaya dan membuat keputusan dalam kehidupan. Dalam kajian sebelum ini yang telah dijalankan oleh Michele (2003) juga ada menemui kesan tentang perasaan ketakutan dan malu terhadap mangsa iaitu mangsa yang pulang ke negara asal mereka merasa takut dan malu untuk mengakui dan menerima hakikat bahawa mereka telah menjadi mangsa pemerdagangan manusia.

*“...Kadang teringat bila dipukul, kesakitan tu terasa, jadi takut...” (Emy)*

*“...Rasa lega juga dan beruntung di tempat ini kerna enggak perlu menahan sakit dipukul lagi. Sampai sekarang, makcik takut kalau nampak polisi, teringat terus masa di rumah majikan, bila polis lalu saya sembunyi...”(Miza)*

*“...Jadi terpikir apa yang menyakitkan, trauma la...” (Hani)*

*“...Rasa susah hati, menyesal dengan apa yang terjadi...” (Fika)*

*“...Menyesal tapi mau macam mana lagi kita dah tak boleh buat apa-apa. Terimalah takdirnya macam ni...”(Mimi)*

*“...Dia ada kedai runcit, disitu aku kena jaga kedai, angkat-angkat barang, juga disamping jaga 4budak, anak dia..bila pulang rumah, sambung kerja dirumah pula seperti memasak, mengemas, basuh kain baju. Aku memang langsung tak dapat cuti, memang majikan tak bagi rehat, kerja terus, malam saja boleh tidur tapi sekejap saja...” (Emy)*

## **Penderitaan Spiritual**

Sesetengah mangsa tidak mendapat hak kebebasan beragama apabila pemerdagangan manusia berlaku. Aspek atau cabaran ini sebenarnya dikenal pasti oleh pengkaji sebagai aspek yang tersirat yang tidak dirungkai sebagai aspek penting untuk diperbincangkan dalam konteks pemerdagangan manusia.

Pengkaji melihat masalah tidak mendapat kebebasan beragama adalah kritikal dalam kes seorang responden iaitu Izah.

*“Selalu keluarga majikan paksa saya makan pau babi...”*

Dalam kes ini, Izah dipaksa melakukan perkara-perkara yang melanggar larangan agama anutannya. Beliau dipaksa memakan makanan yang haram disisi agamanya. Merujuk kepada nota pemerhatian, sewaktu menceritakan tentang pengalaman tersebut, Izah tidak dapat menahan perasaan sedihnya diperlakukan begitu. Lantaran itu, kejadian tersebut memaksanya untuk memberanikan diri lari daripada rumah majikan yang mana pada percubaan pertamanya gagal. Akan tetapi, akhirnya beliau dapat melarikan diri dan diselamatkan oleh jiran yang telah menghantarnya ke imigresen.

## **KESIMPULAN**

Pemerdagangan orang merupakan perilaku yang tidak bertamadun dan berada di luar batasan kemanusiaan. Manusia diperdagangkan secara paksa bagi tujuan mengaut keuntungan. Mangsa bukan sahaja mengalami penderaan fizikal, bahkan juga penderaan emosi dan rohani. Kesan daripada penderitaan tersebut menjejaskan kualiti hidup mangsa pemerdagangan orang di sepanjang hayatnya. Ia mencabuli hak manusia untuk hidup dengan bebas, sejahtera dan bermakna. Sehubungan itu, jenayah pemerdagangan manusia perlu dicegah, dibanteras dan ditangani dengan gerak kerja yang tersusun, cekap dan berhati-hati. Ia merangkumi aspek pendidikan, pembangunan dan pemeraksanaan komuniti secara menyeluruh, penguakuasaan

undang-undang dan rawatan pemulihan. Lebih banyak kajian tentang isu pemerdagangan orang di Malaysia perlu dikaji dengan lebih teliti sama ada di bawah kendalian kerajaan mahupun swasta dan badan bukan kerajaan. Keberkesanan program pencegahan, penguatkuasaan, pemutihan dan pemulihan juga perlu dikaji dengan lebih teliti untuk menilai semula keberkesanan program dan merangka pelan tindakan yang lebih efektif dan efisien.

## PERAKUAN

Kajian ini tidak ada konflik kepentingan daripada atau dengan mana-mana pihak.

## RUJUKAN

- Akta Kerja 1955 (Akta 265). *Peraturan-Peraturan dan Perintah & Perundangan Terpilih*. Petaling Jaya, Selangor: International Law Book.
- Banovic, B. & Bjelajac, Z. (2012). Traumatic experiences, psychophysical consequences and needs of human trafficking victims. *Military Medical & Pharmaceutical Journal of Serbia & Montenegro*, 69(1), 94-97.
- Chu, C.Y. (2011). Human trafficking and smuggling in China. *Journal of Contemporary China*, 20(68), 39-52.
- Clark, M.A. (2003). Trafficking in persons: an issue of human security. *Journal of Human Development*, 4(2), 247-263.
- Cullen-DuPont, K. (2009). *Global Issues: Human Trafficking*. New York: Library of Congress Cataloging-in-Publication Data.
- DeStefano, A. M. (2007). *The war on human trafficking: U.S. Policy Assessed*. United States: Rutgers University Press.
- Gusni Saat. (2012). Isu-isu pelaksanaan akta antipemerdagangan orang 2007 (Malaysia): interpretasi dimensi sosiologikal. *Akademika*, 82(1), 49-55.
- Hart, J. (2009). *Human Trafficking*. New York: The Rosen Publishing Group.
- Genisha Ayu Mat Saat & Nadiah Syariani Md Shariff. (2015). *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 13(2), 19-35
- Jones, L., Engstrom, D., Hilliard, P. & Sungkawan, D. (2009). Human trafficking between Thailand and Japan: lessons in recruitment, transit and control. *International Journal of Social Welfare*, 20, 203-211.
- Kementerian Dalam Negeri. (2021). *Statistik kes pemerdagangan orang mengikut agensi penguatkuasaan*. Diakses pada 30 Jun 2021. [https://www.data.gov.my/data/ms\\_MY/dataset/statistik-tindakan-oleh-agensi-agensi-penguatkuasaan-berdasarkan-akta-anti-pemerdagangan-orang](https://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/statistik-tindakan-oleh-agensi-agensi-penguatkuasaan-berdasarkan-akta-anti-pemerdagangan-orang).
- Marshall, P. & Thatun, S. (2005). *Miles away: the trouble with prevention in the greater Mekong Sub-Region*. In Kemala Kempadoo, Jyoti Shanger and Bandana Pattanaik (Eds), *Trafficking and prostitution reconsidered: New Perspectives on Migration, Sex Work, and Human Rights*. London: Paradigm Publishers.
- McCabe, K. A. (2008). *The Trafficking of persons*. New York: Peter Lang Publishing.
- Nair, P. M. & Sen, S. (2005). *Trafficking in women and children in India*. New Delhi: Orient Longman Private Limited.
- Reseman Ajiman, Rohani Abdul Rahim, Azizah Landa, Rovina Intung & Herlina Makanah. (2015). *Pencegahan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran di Malaysia*:

penguatkuasaan dan perundangan. Dilihat pada 30 Januari 2020. [https://eprints.uny.ac.id/28015/1/Reseman%20Ajiman%20Revised%20PAHMI15%20Reseman%20\(full%20paper%202015\).docx](https://eprints.uny.ac.id/28015/1/Reseman%20Ajiman%20Revised%20PAHMI15%20Reseman%20(full%20paper%202015).docx).

Shelley, L. (2010). *Human Trafficking: A Global Perspective*. Cambridge University Press: New York.

Department of State, United State of America. (2020). *Trafficking in person report June 2020*. Dilihat pada 27 Mei 2021. <https://www.state.gov/wp-content/uploads/2020/06/2020-TIP-Report-Complete-062420-FINAL.pdf>.

Wheaton, E. M., Schauer, E. J. & Galli, T.V. (2010). Economics of Human Trafficking. *Journal Compilation*, 48(4), 114-141.

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **NURUL NABILA MOHD. IZANI**

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
nabiela1991@gmail.com

### **NORSHARILLA HAMDAN**

Tetuan Taye and Co  
23 F, Taman Harta Pertama  
Bukit Baru, 75150 Melaka  
norsharillahamdan@gmail.com

### **ARENA CHE KASIM**

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
arena@ukm.edu.my

### **JAMIAH MANAP (Pengarang Koresponden)**

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
jamiah@ukm.edu.my